

Kemiskinan mutlak turun

Putrajaya: Insiden kemiskinan mutlak mencatat kemerosotan kepada 6.2 peratus tahun lalu, berbanding 8.2 peratus pada 2021 dan 8.4 peratus ketika pandemik COVID-19 melanda pada 2020.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata dalam laporan Survei Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah 2022, bilangan isi rumah miskin tegar yang berpendapatan di bawah RM1,198 pula menurun kepada 0.2 peratus (18,445 isi rumah) berbanding 0.4 peratus pada 2019.

"Nilai PGK makanan meningkat sedikit kepada RM1,198 daripada RM1,169 yang dicatatkan pada 2019," katanya.

Bagi melihat kepada insiden analisis kemiskinan yang lebih menyeluruh, Jabatan Perangkawan Malaysia (DOSM) juga mengeluarkan maklumat kemiskinan relatif yang ditentukan berdasarkan 50 peratus daripada penengah pendapatan isi rumah.

"Had kemiskinan relatif pada 2022 adalah RM3,169 dengan kadar kemiskinan relatif 16.6 peratus. Di samping itu, penguruan Kemiskinan pelbagai Dimen-

nya ketika mengumumkan laporan Survei Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah 2022 di sini, semalam.

Sementara itu, Mohd Uzir berkata, Nilai Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Malaysia meningkat kepada RM2,589 berbanding RM2,208 yang dicatatkan pada 2019.

"Nilai PGK makanan meningkat sedikit kepada RM1,198 daripada RM1,169 yang dicatatkan pada 2019," katanya.

Bagi melihat kepada insiden analisis kemiskinan yang lebih menyeluruh, Jabatan Perangkawan Malaysia (DOSM) juga mengeluarkan maklumat kemiskinan relatif yang ditentukan berdasarkan 50 peratus daripada penengah pendapatan isi rumah.

"Had kemiskinan relatif pada 2022 adalah RM3,169 dengan kadar kemiskinan relatif 16.6 peratus. Di samping itu, penguruan Kemiskinan pelbagai Dimen-

si (MPI) yang menjadi pelengkap kepada pengukuran kemiskinan berasaskan pendapatan turut disediakan bagi mengenalpasti aspek ketersisihan rakyat dari sudut kemudahan pendidikan, kesihatan dan taraf hidup.

"Penemuan awalan bagi insiden kemiskinan pelbagai dimensi 2022 adalah pada kadar 1.9 peratus berbanding 2.6 peratus (2019) dengan purata ketersisihan isi rumah pelbagai dimensi 40.9 peratus. Ini menjadikan MPI menurun kepada 0.8 peratus berbanding 1.1 peratus (2019)," katanya.

Laporan mengenai penemuan MPI akan diterbitkan bulan depan.

Sementara itu, Rafizi ketika ditanya adakah kerajaan akan menyemak semula nilai PGK nasional dalam menyalurkan bantuan kepada kumpulan sasaran, beliau berkata, kerajaan akan mengambil kira nilai PGK yang dibentangkan DOSM dalam



Rafizi (tengah) bersama Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi, Datuk Nor Azmie Diron (kiri) dan Mohd Uzir menunjukkan buku laporan Survei Pendapatan Isi Rumah Tahun 2022 di Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

membangunkan bentuk bantuan yang sewajarnya.

"Apa yang perlu kita lakukan ialah mengambil kira PGK yang naik, bagaimana kerajaan kemudiannya membangunkan bentuk bantuan, pembangunan dan program sosial ekonomi.

"Ada beberapa kaedah yang kita boleh pertimbang berbanding menggunakan pendekatan B40, M40 dan T20 kepada kaedah yang lebih menyeluruh, antaranya

berdasarkan indeks pendapatan yang mengambil kira pendapatan keseluruhan satu isi rumah, perbelanjaan dan data PGK," katanya.

Mengulas mengenai Laporan Survei Perbelanjaan Isi Rumah (HES) pula, Mohd Uzir berkata, secara purata, isi rumah di Malaysia berbelanja RM5,150 sebulan tahun lalu, meningkat 3.7 peratus setahun bagi tempoh 2019 hingga 2022.